

NO SOALAN :12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TAN KOK WAI
(CHERAS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 01.08.2017

Y.B. TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan peserta berdaftar GST yang dipilih (selected participating Registrants) untuk dipasangkan System Maklumat Elektronik (EIS) dengan diperincikan angka setiap jenis perniagaan dan setiap negeri, tujuan pemasangan dan sebab-sebab perniagaan berkenaan dipilih untuk pemasangan EIS .

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *GST Electronic Information System (EIS)* merupakan peranti yang dipasang di setiap *Point of Sales (POS) System* termasuk mesin tunai (*cash register*) yang

terdapat di premis perniagaan yang mana peranti ini akan merekodkan setiap transaksi jualan dan seterusnya menghantar maklumat tersebut secara atas talian (*online*) kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Data atau maklumat yang akan diperolehi dari sistem ini akan digunakan bagi tujuan semakan, pengauditan ataupun penyiasatan dengan membuat perbandingan ke atas maklumat yang diisytiharkan oleh peniaga di dalam penyata GST-03.

Peraturan berkaitan EIS iaitu Peraturan-peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pengemukaan Maklumat) 2014 telah diwartakan pada 15 Jun 2017 dan dikuatkuasakan pada 1 Julai 2017. Di dalam peraturan tersebut telah dinyatakan dengan jelas sektor perniagaan yang akan dilengkapi dengan peranti EIS ini adalah premis restoran, peruncitan dan hiburan.

Pemasangan peranti ini telah dibuat secara *pilot project* dalam bulan Julai 2017 ke atas premis perniagaan terpilih di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan KLIA di mana pada peringkat awal pemasangan ianya melibatkan 1,000 unit premis perniagaan. Pendekatan untuk memilih premis tersebut adalah berasaskan perniagaan ini terlibat di dalam perniagaan secara tunai dan membuat pembekalan terus kepada pengguna akhir. Sehingga 17

Julai 2017, sebanyak 598 premis telah dipasangkan dengan peranti EIS. Perincian premis yang dipasang EIS mengikut negeri adalah seperti berikut:

- i. Selangor : 246 premis
- ii. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur : 288 premis
- iii. KLIA : 64 premis